

"DAN jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 18.



# Hujung Minggu

# فليتا برunei

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.30 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.17 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 142 | 26 NOVEMBER 2022 / 1444 هـ | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

## TINGKAT PENGETAHUAN, PEMAHAMAN ISU BERKAITAN ASTROFIQH

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKSPH) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), UNISSA, menganjurkan Kursus Latihan Astrofiqh: Penentuan Arah Kiblat.

Kursus yang diadakan pada Sabtu, 24 Rabiulakhir 1444H bersamaan 19 November 2022 itu dihadiri oleh seramai 24 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian, orang

Para peserta didedahkan mengenai konsep kiblat secara syarak, sekali gus diberikan latihan secara *hands-on* dalam penentuan kiblat asas yang santai.

Kursus berkenaan diharapkan akan dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman para peserta mengenai pelbagai isu berkaitan Astrofiqh di samping bertujuan dalam mengembangkan disiplin ilmu Astrofiqh yang mempunyai kaitan secara langsung dengan akidah, ibadat dan kehidupan seharian.

persendirian dan Alumni UNISSA, diadakan bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Kampus UNISSA Gadong.

Hadir selaku fasilitator, Ketua Program Lepas Ijazah (Syariah), UNISSA, Profesor Madya Dr. Ibnor Azli bin Ibrahim.

Kursus yang bertemakan 'Bagaimana Menentukan Arah Kiblat?' berkenaan membincangkan tentang sistem koordinat yang terdapat dalam dunia astronomi dan memilih sistem koordinat mana yang menyentuh Astrofiqh.



PARA peserta Kursus Latihan Astrofiqh : Penentuan Arah Kiblat semasa bergambar ramai (kiri), manakala gambar atas dan bawah, sekitar kursus berkenaan.